

06 JAN 1997

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TAK PERLU BAKAT, KATA MUSTAPA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Usaha Kementerian Pembangunan Usahawan dalam membangunkan "jutawan yang berbudi" tidak hanya tertumpu kepada individu yang mempunyai bakat semula jadi dalam perniagaan, tetapi juga kepada individu yang tidak mempunyai bakat, kata menteri berkenaan Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata tugas membangunkan usahawan adalah kompleks dari segi persoalan sama ada usahawan itu wujud secara sendiri atau diwujudkan.

"Tanpa berdebat panjang mengenai mana satu di antara dua persoalan tersebut yang benar, saya berkeyakinan bahawa usaha-usaha meramaikan usahawan akan lebih mudah dilaksanakan sekiranya kumpulan sasaran program adalah mereka yang telah mempunyai bakat semula jadi.

"Konsep membangunkan usahawan hanya berlaku jika kumpulan sasaran terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai bakat semula jadi," katanya dalam ucapan dasarnya pada Persidangan Keusahawanan Dan Pembangunan Ekonomi di sini, hari ini.

Ucapan beliau dibacakan oleh timbalan ketua setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Hussein. Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER).

Mustapa berkata tugas mewujudkan usahawan tidak terhad kepada memberikan kemahiran, pengetahuan, sokongan, bantuan kewangan dan memberikan peluang perniagaan, tetapi melibatkan perubahan dari segi pembangunan mental untuk menyiapkan diri menghadapi persaingan sengit dalam perniagaan, mengubah budaya kerja dan gaya hidup yang diperlukan sebagai usahawan berjaya.

Dengan perkataan lain, beliau berkata program pembangunan usahawan yang dilaksanakan Kementerian tidak bermaksud semata-mata untuk mewujudkan jutawan tetapi jutawan yang berbudi.

Dalam konteks inilah perlunya aspek etika perniagaan turut diterapkan dalam program membangunkan usahawan, katanya.

Beliau juga menggalakkan usaha sama perniagaan di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera dalam dan luar negeri bagi memahami perspektif keusahawanan pelbagai etnik yang membawa kejayaan sesuatu bangsa atau tamadun manusia.

Sejajar dengan aspirasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk melihat bangsa Malaysia mencapai tahap kegemilangan di arena antarabangsa, usaha perlu dipergiatkan untuk memperluaskan dimensi dasar dan strategi pembangunan usahawan supaya Malaysia dapat melahirkan usahawan yang mempunyai kekuatan mental, spiritual dan intelektual yang diperlukan untuk menjadi bangsa bertamadun.

"Inilah agenda sosial kita," katanya.

Mustapa berkata kerajaan akan terus bertindak sebagai pemangkin bagi mamperbaiki iklim perniagaan dan perindustrian dan mambantu usahawan supaya mempunyai orientasi yang bersesuaian dengan iklim perniagaan antarabangsa dan sejagat yang kian mencabar disebabkan oleh perubahan dasar ekonomi negara-negara membangun.

Aspek daya saing perlu ditekankan oleh usahawan Malaysia kerana dalam jangka panjang "hanya firma dan usahawan yang kompetitif sahaja yang akan berjaya menghadapi persaingan global dan serantau", katanya.

Untuk berjaya, pertalian strategik perlu ditingkatkan dan menggunapakai faedah dari pembangunan teknologi maklumat sepenuhnya, katanya. -- BERNAMA

JR SIA

